



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Mingguan Malaysia
Date	4 October 2015

mingguan Malaysia - 4/10/

PDRM nafi FBI siasat 1MDB, PM

KUALA LUMPUR 3 Okt.

- Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar menafikan dakwaan kononnya Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) telah memulakan siasatan ke atas 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan juga Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Tegas beliau, Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak pernah menerima sebarang maklumat berhubung siasatan yang dijalankan oleh FBI.

"Agensi terbabit tidak pernah memohon untuk mendapatkan sebarang bentuk bantuan daripada PDRM berhubung perkara tersebut.

"Mana-mana pihak yang ingin mendapatkan pengesahan berkaitan perkara ini, dinasihatkan agar berhubung terus dengan FBI di Washington dan tidak merujuk kepada laporan media semata-mata," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sebelum ini, media asing, *Wall Street Journal (WSJ)* dan *New York Times* melaporkan kononnya FBI telah memulakan siasatan berhubung dakwaan penggubahan wang haram yang dikaitkan dengan 1MDB.